

**November 26, 2009**

**NOTA KEPADA EDITOR**

**Kenyataan Akbar NUJ Malaysia kesal wartawan dikasari**

Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJM) kesal dengan tindakan Setiausaha Persatuan Pegawai Wakil Rakyat Pakatan Rakyat Selangor (Selproa) Ng Yap Hwa yang tidak membenarkan wartawan Utusan Malaysia, Yazid Alias menghadiri sidang akhbar semalam.

Kenyataan Yap Hwa bahawa Yazid adalah alat propaganda kerajaan dan kerana itu tidak dibenarkan menyertai sidang akhbar anjuran badan itu di bangunan Setiausaha Negeri Selangor semalam amatlah tidak waras dan hanya memperlihatkan kesempitan pandangan terhadap sistem demokrasi yang turut dilaungkan oleh Pakatan Rakyat selama ini.

Sebagai wartawan, Yazid perlu diberi tempat untuk mengikuti sidang akhbar itu memandangkan ia berkaitan dengan urusan kerajaan dan bukan sesuatu yang rahsia yang perlu disorokkan daripada mana-mana wartawan tempatan.

Perbuatan melarang wartawan menyertai sidang akhbar di mana sebelum itu 85 ahli Selproa menggesa Peguam Negara menarik balik permohonannya menentang surat pekeliling Menteri Besar Selangor supaya tidak menyatakan siasat kakitangan awam di luar waktu pejabat oleh pegawai Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia sepatutnya disebarluaskan kepada umum melalui akhbar-akhbar.

NUJM berharap agar semua pihak di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat lebih prihatin, bersikap profesional dan memahami tugas wartawan yang melaporkan untuk disalurkan kepada pengetahuan rakyat yang telah mengundi mereka sebelum ini.

NUJ Malaysia sekali lagi menegaskan, tiada siapa boleh menghalang wartawan daripada membuat liputan mengenai perkara yang bersangkutan urusan kerajaan yang ada kaitan dengan kebijakan rakyat. Malaysia negara demokrasi dan media berperanan untuk melaporkan apa yang dilakukan oleh kerajaan untuk rakyatnya.

Sekian



NORILA DAUD  
(PRESIDEN NUJ MALAYSIA)

